



SIARAN MEDIA

POLEMIC SEKTOR GIG DIBANGKITKAN PADA FORUM MENTERI G20

KUALA LUMPUR – Perkembangan pesat ekonomi gig di seluruh dunia telah mencetuskan keprihatinan negara Kumpulan 20 (G20) terhadap perlindungan sosial kepada penggiat gig, yang menjadikannya antara agenda Mesyuarat Menteri-Menteri Buruh dan Pekerjaan G20 2023 di Indore, India pada minggu lalu.

Mesyuarat dua hari peringkat Menteri yang berakhir pada 21 Julai 2023, telah sebulat suara mengesahkan tiga Dokumen Hasil G20 termasuk **Keutamaan Dasar G20 mengenai Perlindungan Sosial yang Mencukupi dan Mampan serta Kerja Wajar untuk Pekerja Gig dan Platform**.

Terdahulu, Mesyuarat mendengar pembentangan berkaitan oleh **Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO), Dato' Sri Dr. Mohammed Azman Aziz Mohammed**, yang juga **Presiden *International Social Security Association (ISSA)*** pada hari terakhir Mesyuarat. Pembentangan tersebut terarah kepada penekanan mewujudkan pendekatan terbaik dalam menyediakan liputan perlindungan sosial untuk komuniti platform dan penggiat gig yang semakin berkembang di seluruh dunia.

Topik tersebut adalah selari dengan tumpuan Mesyuarat Menteri yang meneruskan momentum perbincangan tentang usaha pemulihan pasca COVID-19 yang turut mencakupi kekusaran mengenai keperluan mewujudkan langkah kawalan sewajarnya kepada kemunculan ekonomi baharu gig, yang disentuh pada Forum G20 di Bali, Indonesia, tahun lalu.

Pembentangan Dr. Mohammed Azman, yang merupakan Presiden ISSA Ke-17, menjurus kepada jaminan manfaat saksama dari segi jaringan perlindungan sosial kepada komuniti pekerja, tanpa mengira latar belakang sektor dalam situasi dunia yang berdepan beberapa rintangan utama. Ia meliputi aspek jaminan keutuhan fiskal yang lestari, penyesuaian sistem kepada isu penuaan penduduk, usaha meliputi ekonomi tidak formal dan mengoptimumkan sokongan keselamatan sosial demi mengukuhkan jaringan perlindungan sedia ada.

Beliau mencerakinkan situasi semasa tahap perlindungan sosial yang diperuntukkan kepada dua jenis kategori penggiat gig. Merentasi spektrum jenis perkhidmatan, sektor gig terbahagi kepada yang bekerja di lapangan bersama pelanggan seperti pemandu teksi, manakala satu lagi kategori ialah pekerja dalam talian, contohnya pembangun perisian dan pekerja sambilan.

Menurut Dr. Mohammed Azman, penyediaan perlindungan sosial bagi kedua-dua kategori penggiat sektor gig di seluruh dunia didapati tidak seimbang. Hakikat ini turut dibuktikan menerusi kajian Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO) sebelum ini, bahawa hanya kira-kira 15 peratus daripada pekerja platform dalam talian dilindungi insurans bencana kerja. Perangkaan berbeza dicatatkan untuk penggiat gig di lapangan apabila satu pertiga atau kira-kira 33 peratus daripadanya mempunyai perlindungan yang sama.

Merencana penyelesaian tuntas, sesi pembentangan Presiden ISSA membangkitkan keperluan menggubal perundangan dan pelaksanaan dasar bersesuaian demi memastikan perlindungan sosial yang saksama supaya mencakupi penggiat sektor gig di seluruh dunia. Bersandarkan gesaan di pelbagai peringkat, kemajuan berhubung usaha sebegini mula memberikan sinar harapan kepada penggiat sektor gig, namun ledakan perubahan teknologi dan pendekatan perniagaan memerlukan setiap strategi pelaksanaan serta kaedah kawal selia diselaraskan dari semasa ke semasa.

Dr. Mohammed Azman, yang menerajui ISSA sehingga tahun 2025, adalah rakyat Malaysia pertama dipilih sebagai Presiden ISSA, sebuah pertubuhan keselamatan sosial antarabangsa yang mewakili 320 anggota institusi dari 163 negara.

Dikeluarkan oleh:
Bahagian Komunikasi dan Hal Ehwal Korporat
23 Julai 2023

Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi:

Mohd Wazid Zaidon
+6017-6193181

wazid.zaidon@perkeso.gov.my

Hamisah Hamid
+6019-3833605

hamisah.hamid@perkeso.gov.my